

03 MAY 2001

Mahathir-Umno

SESEORANG PATUT PUASHATI DENGAN SATU JAWATAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 3 Mei (Bernama) -- Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menasihatkan anggota Umno supaya berpuashati dengan satu-satu jawatan yang dipegang tanpa perlu bertanding untuk jawatan lain.

"Saya rasa... seseorang itu patut berpuashati dengan satu jawatan," katanya.

Ditanya adakah ini bermakna seseorang itu tidak boleh bertanding jawatan lain, Perdana Menteri berkata: "Tidaklah...tapi pilihlah mana-mana satu."

"Kadang-kadang sebagai jawatan sandaran boleh jugalah. Macam sesetengah orang dia bertanding untuk satu jawatan tetapi dia bertanding juga untuk jawatan yang rendah, kalau-kalau dia tak menang situ, dia menang sini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Ketua-Ketua Perwakilan Malaysia di Seberang Laut dan mengadakan sesi dialog dengan mereka di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata demikian ketika ditanya tentang tindakan beberapa anggota Umno yang memegang jawatan Ketua Pemuda Bahagian dan masih bertanding jawatan bahagian tetapi kalah dalam proses itu sehingga ada pihak menganggap mereka sebagai gelojoh.

"Itu pendapat oranglah, tetapi bagi saya kalau ada orang hendak sokong, orang akan sokong tapi kalau orang nampak ini satu tindakan gelojoh, tentulah dia tidak sokong dan dia (mereka) kalahlah. Ada juga yang menang...saya ingat," katanya.

Mengenai berakhirnya proses pemilihan Umno peringkat bahagian Ahad lepas, Dr Mahathir berkata semua anggota Umno kini perlu merapatkan kembali barisan dan memberi sokongan kepada mereka yang telah memenangi jawatan.

Beliau berkata tanpa perlu mengambil kira pemimpin yang dipilih itu muka baru atau orang lama, setiap anggota Umno perlu merapatkan kembali barisan dan memberi sokongan kepada yang menang.

-- BERNAMA

HS ZS RON